

SOPAN SANTUN DALAM PERCAKAPAN DAN PERBUATAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ
وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala.

Agama Islam adalah agama yang penuh rahmat dan kasih sayang. Nilai-nilai kasih sayang menjadi keutamaan Islam dalam perbuatan dan pergaulan dalam masyarakat. Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam adalah seorang yang paling penyayang. Allah Subhanahu wa-Taala berfirman dalam surah al-Anbiya ayat 107:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ



Yang bermaksud: *“Dan tidaklah Kami mengutusmu kecuali sebagai rahmat bagi sekalian alam.”*

Umat Islam adalah umat yang sentiasa saling berkasih sayang, hormat menghormati, tolong menolong antara satu sama lain. Sabda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim:

الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ

Yang bermaksud : *Seorang muslim adalah orang Islam yang lain selamat daripada lidah dan tangannya."*

Salah satu budaya yang kelihatan semakin hilang dalam masyarakat kita kini ialah budaya kesantunan. Masyarakat Melayu memang sudah dikenali sebagai satu masyarakat yang mempunyai nilai kesantunan yang amat tinggi. Nilai ini telah diturunkan semenjak zaman nenek moyang kita. Namun, amat menyedihkan apabila nilai ini semakin ditinggalkan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala.

Kesantunan maksudnya berlemah lembut dalam perbuatan dan bahasa. Sebagai contohnya beradab dengan tetamu, ketika berada dalam sesuatu majlis sama ada majlis ilmu mahupun majlis keramaian. Begitu juga hendaklah menjaga adab ketika berbicara dengan suara yang lemah lembut serta mempamerkan tingkah laku yang mulia. Di samping itu juga, kita hendaklah sentiasa berhemah di jalanraya, di tempat kerja dan pusat membeli belah.

Nabi Shallallahu ‘alaihi wa Sallam telah bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari yang bermaksud:

“Janganlah kamu berada di jalan. Para Sahabat berkata, “Sesungguhnya kami perlu berada di jalan untuk berbincang.” Nabi menjawab, “Jika kamu tidak dapat berganjak melainkan perlu berada di jalan, maka berikanlah hak-hak jalan tersebut.” Mereka bertanya, “Apa hak-hak jalan tersebut wahai

Rasulullah?” Nabi menjawab, “Menundukkan pandangan, tidak mengganggu (atau menyakiti) orang, menjawab salam, dan menyuruh kepada yang ma’ruf serta mencegah dari kemungkaran.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala.

Hendaklah kita orang Islam mengambil berat terhadap nilai berbahasa. Janganlah kita menggunakan bahasa yang kasar, kesat, lucah dan biadab. Setiap kata ada nilainya. Dengan itu gunakanlah bahasa yang sesuai mengikut keadaan dan suasana.

Budi bahasa adalah unsur penting dalam kehidupan masyarakat yang diasaskan daripada tingkah laku dan penggunaan kata-kata yang dipilih ketika berbicara dengan seseorang. Bak kata pujangga Melayu: “Yang kurik itu kundi, yang merah itu saga, yang cantik itu budi, yang indah itu bahasa.”

Apabila budi digabungkan dengan bahasa lahirlah satu pengertian yang jelas, iaitu percakapan yang baik yang mengandungi tutur kata sempurna dan menyenangkan, penuh dengan sifat-sifat menghormati pihak lain dan bersopan santun diiringi dengan akhlak yang mulia.

Nilai menghormati orang lain kerap dikaitkan dengan panggilan dan penggunaan ganti nama diri seperti memanggil orang yang lebih tua dengan panggilan Abang Long, Abang Ngah dan sebagainya. Kita biasanya tidak menggunakan ganti diri 'aku' atau 'engkau' apabila bercakap dengan orang yang lebih dewasa kerana panggilan itu dianggap kasar dan tidak bersopan yang boleh menguriskan hati seseorang. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Hujaraat ayat 11 yang bermaksud:

وَلَا تَلْمِزُوا أَنْفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا بِالْأَلْقَابِ بِئْسَ الْأَسْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ

Yang bermaksud: "... dan janganlah kamu panggil memanggil dengan gelar-gelar yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah panggilan yang buruk sesudah beriman. "

Agama Islam membentuk budaya yang mulia dan merupakan antara pengaruh yang menjadikan masyarakat Melayu dihormati. Oleh yang demikian, jagalah kesantunan bahasa kerana ia mencerminkan ketamadunan sesebuah bangsa.

Alangkah malangnya amalan dan budaya umat Islam hari ini. Budaya mulia ini telah terhakis oleh teknologi komunikasi moden. Apa yang menyedihkan penggunaan bahasa di media sosial ialah bahasa kasar, kesat dan kotor. Ia telah mengambil tempat budaya kesopanan yang selama ini dipertahankan dalam budaya masyarakat.

Oleh yang demikian, marilah kita bersama-sama menanamkan azam dan tekad untuk mengembalikan kegemilangan kesantunan adab dan budi bahasa dalam percakapan dan perlakuan seharian. Berikanlah didikan komunikasi yang bersopan santun kepada generasi alaf baru ini agar kasih sayang akan terus tersebar dalam masyarakat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ سَيَجْعَلُ لَهُمُ الرَّحْمَنُ وُدًّا ﴿١٦﴾

Yang bermaksud: *Sesungguhnya orang yang beriman dan beramal soleh, Allah Yang bersifat Penyayang akan menanamkan dalam hati mereka perasaan kasih sayang.*

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ

وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ

هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ

وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.